

TOPIK 1 : PENGENALAN KEPADA SUMBER MANUSIA**ARAHAN :**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

**1. Kepentingan pengurusan sumber manusia**

Pengetahuan tentang pengurusan sumber manusia amat diperlukan selagi kita dipanggil sebagai seorang pekerja atau pengurus sesebuah organisasi. Persoalan atau isu-isu seperti penstafan di dalam organisasi, merekabentuk kerja dan _____, membangunkan _____ kerja yang berkemahiran, mengenalpasti pendekatan untuk meningkatkan prestasi dan memberi ganjaran pekerja akan terjawab apabila kita mempunyai pengetahuan mendalam tentang pengurusan sumber manusia. Berikut adalah kepentingan mempelajari pengurusan sumber manusia iaitu:

- i. Organisasi dapat mengelak _____ pekerja yang tinggi
- ii. Organisasi boleh memilih pekerja yang _____ untuk tugas
- iii. Organisasi dapat menggunakan _____ tenaga kerja dengan maksimum.
- iv. Organisasi mampu menekankan _____ keselamatan mengikut undang-undang yang telah ditetapkan.
- v. _____ pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan.